

UMNO PERLU LALUI PERUBAHAN: PM

Oleh Kamal Ahmad

B.H. 1 OCT 1993

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan pentingnya Umno melalui proses perubahan demi kepentingan parti, bangsa dan negara bagi menyahut dan menyesuaikan diri dengan cabaran abad ke-21.

Perdana Menteri berkata, sekiranya Umno tidak peka kepada perubahan sekitarnya, parti akan gagal menyesuaikan diri dengan keadaan politik, ekonomi, sosial dan budaya dalam masyarakatnya atau masyarakat antarabangsa.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, dunia akan menyaksikan banyak perubahan besar pada dekad akan datang yang menjurus kepada era persejagatan, teknologi maklumat dan teknologi tinggi.

"Kalau kita tidak peka kepada perubahan sekeliling, kita tidak akan mampu merebut peluang daripada perubahan itu untuk memanfaatkan parti, bangsa dan negara kita.

"Bukan semua perubahan mengandungi unsur baik dan membina. Ada perubahan yang membawa mudarat kepada manusia.

"Tetapi kalau kita menerima perubahan yang baik, positif dan membina yang berlaku di sekitar kita, nescaya kita akan mendapat manfaat daripada proses perubahan alam," katanya.

Dr Mahathir menegaskan demikian dalam kata alu-aluan Penyata Tahunan Umno 1993-1994. Kenyataan itu diedarkan oleh Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, dalam satu sidang akhbar semalam.

Dr Mahathir berkata, era sekarang dan akan datang menuntut orang Melayu menjadi manusia berilmu, sentiasa meningkatkan kecekapan, kemampuan serta kebolehan demi meneruskan hidup dalam dunia yang cepat berubah.

Katanya, cara pemikiran orang Melayu juga harus berubah. Ia hanya dapat dicapai jika mereka membuka minda seluas mungkin untuk menerima pengaruh perkembangan dan kemajuan manusia di zaman global ini.

"Kita harus meningkatkan daya tahan diri, kemampuan untuk bersaing dengan negara lain. Kita wajar menguasai ilmu sains dan teknologi kerana inilah kunci kemajuan dan pembangunan kita pada masa hadapan," katanya.

Sejajar dengan proses perubahan itu, Dr Mahathir mahu urusan parti dikendalikan dan diselenggara dengan cara yang sesuai dengan masa dan zaman.

"Parti kita amat besar, dengan keahliannya berjumlah hampir dua juta orang, oleh itu pentadbiran parti harus kemas, teratur dan canggih," katanya.

Dalam kenyataan yang sama Dr Mahathir amat kesal kerana budaya surat layang masih wujud sepanjang kempen pemilihan menjelang Perhimpunan Agung Umno.

Beliau berkata, surat layang itu memfitnah pemimpin Umno, kerajaan dan parti serta bertujuan mengganggu pemilihan dengan melaga-lagakan pemimpin, memburuk-burukkan peribadi calon dan umumnya membuat dusta

LHAT MUKA 2

Umno perlu lalui perubahan

DARI MUKA 1

supaya pemilihan parti membawa perpecahan dan sengketa di kalangan ahli.

Selain itu, Perdana Menteri membidas sesetengah ahli parti yang cenderung merujuk kepada mahkamah kerana tidak puas hati dengan cara pemilihan yang diselenggarakan di peringkat cawangan dan bahagian.

"Saya bersyukur kerana fitnah itu tidak memberi

kesan kepada kelancaran pemilihan. Ini kerana ahli parti menyedari betapa jahatnya niat mereka yang sebenarnya adalah musuh kita walaupun ada antara mereka ahli parti.

"Sekali lagi saya berasa syukur kecenderungan ini (masalah parti ke mahkamah) dapat dibatasi dan tidak menjejaskan kelancaran parti," katanya.

Dr Mahathir menasihati calon dan penyokong ca-

lon yang kalah supaya dapat menerima keputusan pemilihan kerana mereka tetap mempunyai tempat dalam parti.

"Asalkan saja pemilihan dijalankan dengan adil, bersih dan mengikut Perlembagaan serta diselenggarakan dengan sopan dan beradab, kita harus menerima keputusan pemilihan itu walaupun kita kalah.

"Parti memerlukan se-

tiap anggota memperjuangkan cita-cita bangsa dan negara. Umno terbuka kepada seluruh bangsa Melayu tanpa mengira kedudukan, taraf hidup dan peringkat.

"Di sinilah kekuatan Umno kerana ia tidak menjalankan dasar diskriminasi terhadap sesiapa pun asal ia jujur dan ikhlas berjuang kerana kepentingan bangsa dan negara," katanya.